Terma - terma penyertaan dalam skim Takaful ini adalah apabila **Anda** memberi **Sumbangan** ke dalam kumpulan Dana Risiko untuk manfaat **Anda** secara bersedesama. Ini bermakna **Anda** melepaskan hak - hak individu ke atas **Sumbangan Anda** dan mendapat hak bersama terhadap perkara-perkara yang dilindungi seperti yang termaktub di dalam peraturan-peraturan Sijil ini. Penyertaan **Anda** berkuatkuasa pada tarikh permulaan seperti yang tertera di dalam **Jadual**.

Dana Takaful ini merupakan kumpulan wang yang telah didermakan oleh para peserta darimana tuntutan akan dibayar. Keuntungan atau kerugian melalui pelaburan aset **Dana Takaful** ini akan dikreditkan ke dalam dana dan kos mengatur Takaful semula akan di tolak dari dana. **Kami** berhak untuk mengatur Takaful semula ke atas keseluruhan dana di mana segala tuntutan dan manfaat akan dibayar melalui program **Takaful** semula. Kami akan berusaha untuk mengatur Takaful semula berdasarkan prinsip Syariah dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Perkongsian Lebihan

Dana Takaful akan mengalami lebihan atau kekurangan bergantung kepada bilangan dan jumlah keseluruhan tuntutan dan prestasi aset yang dilaburkan. **Kami** mungkin akan menyimpan sebahagian daripada lebihan ini dengan tujuan untuk mengukuhkan kemampuan **Dana Takaful** dalam membayar tuntutan. Sekiranya ada lebihan selepas ditolak caj yang dikenakan, akan dibayar kepada **Anda** pada tarikh luput tempoh **Takaful** tersebut. Lebihan itu mungkin tidak akan dibayar kepada **Anda** sekiranya **Anda** ada membuat tuntutan di bawah Sijil ini. Sekiranya **Dana Takaful** mengalami kekurangan, **Kami** akan membiayai kekurangan tersebut melalui pembiayaan tanpa faedah (Qard) dan pada modal sedia ada sehingga **Dana** tersebut menjana lebihan. Sekiranya kekurangan berlanjutan atau dijangka berterusan dalam jangka masa panjang, Kami berhak untuk meminta **Anda** meningkatkan sumbangan di masa akan datang.

Menuntut Lebihan Anda

Anda akan diberitahu sekiranya lebihan **Anda** melebihi RM10 ke alamat terakhir **Anda** yang **Kami** ketahui. Sekiranya ada lebihan tetapi kurang daripada atau sama dengan RM10, ianya akan diagihkan kepada mana-mana badan amal berdaftar yang disahkan oleh Jawatankuasa Syariah.

Insentif Kami

Kami berusaha bersungguh-sungguh untuk menguruskan **Dana Risiko** dengan cara yang meminimumkan risiko Takaful dan memaksimumkan lebihan dengan pelaksanaan polisi - polisi pengunderaitan yang berhemah. Lebihan **Takaful** terhasil apabila terdapat baki positif daripada sumbangan setelah membayar tuntutan dan membuat peruntukan untuk kos bayaran pada masa hadapan untuk tuntutan - tuntutan yang telah berlaku. Sebagai imbuhan ke atas perkhidmatan ini **Kami** berkongsi 50% daripada lebihan **Takaful** dan baki 50% akan disimpan untuk pengagihan di kalangan peserta-peserta yang layak.

Caj Kami

Sumbangan Anda akan dikenakan upah **Wakalah** (Wakil) sebanyak 65% daripada sumbangan. Caj ini akan dibuat sebelum sumbangan tersebut dipindahkan ke **Dana Takaful** dan digunakan untuk membiayai

- Kos jualan dan pentadbiran perniagaan
- Kos mentadbir Sijil sepanjang tempoh perlindungan Takaful
- Perkhidmatan teknikal **Kami** dalam mengurus **Dana Takaful** untuk kebaikan para peserta, memastikan risiko di dalam **Dana** dinilai secukupnya, simpanan yang mencukupi diketepi dalam masa yang tepat dan dilaburkan sebaiknya.

Sekiranya **Kami** berhajat untuk mengubah upah **Wakalah** ini, **Kami** akan memberitahu **Anda** secara bertulis sebelum pertukaran itu berkuatkuasa.

Maklumat Am

Sila baca keseluruhan dokumen dengan terperinci untuk memastikan is bersesuaian dengan keperluan **Anda**. Sekiranya **Anda** mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi **1-800-88-9659** atau faks kepada **Kami** di **03-2031 0833**.

Sekiranya berlaku pertukaran alamat **Anda**, sila beritahu **Kami** secepat mungkin.

Sekiranya **Anda** tidak berpuashati dengan keputusan **Kami** berhubung tuntutan **Anda**. **Anda** bolehlah merujuk kes ini ke Unit Penoduan di 1-800-88-9659, faks ke 03-20310833 atau tulis kepada P.O. Box 13343, 50806 Kuala Lumpur, Malaysia atau Biro Penimbangtara Kewangan di alamat berikut:-

Biro Pengantaraan Kewangan

Tingkat 25, Dataran Kewarigan Darul Takaful
No 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel : 03-2272 2811 Faks : 03-2274 5752

Atau

Janatan Konsumer dan Amalan Pasaran

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato Onn
50480 Kuala Lumpur,
Tel: 03-2698 8044

Faks: 03-2691 4086 **Kami** nasihatkan **Anda** untuk menghubungi mereka sebelum membuat aduan secara bertulis berkenaan hak tersebut

BNMLINK
 Jabatan Komunikasi Korporat
 Bank Negara Malaysia
 Peti Surat 10922
 50929 Kuala Lumpur
 Tel : 03-2698 8044 sambungan 8950/8958
 ax : 03-2174 1515

BNMTELELINK
 Tel : 1-300-88-5465 (LINK)
 E-mail : bnmtelelink@bnm.gov.my

Waktu operasi BNMLINK dan BNMTELELINK adalah dari: Isnin - Jumaat, 9.00 pagi - 5.00 petang.

3. Perlindungan

Seksyen 1 - Kerugian atau kerosakkan kepada Bangunan

Apa yang dilindungi	Apa yang tidak dilindungi
Yang dilindungi di bawah seksyen ini adalah Bangunan . Amaun maksimum yang boleh dibayar di bawah seksyen ini akibat kerugian atau kerosakkan kepada Bangunan adalah Amaun Perlindungan yang ditunjukkan dalam Jadual .	Barangan perumahan, kepunyaan peribadi atau lain-lain kandungan di dalam Bangunan .
Perkara-perkara yang dilindungi	Alasan yang tidak dilindungi
Takaful ini akan melindungi Anda jika Bangunan Anda mengalami kerosakan	
1. Kebakaran, petir, halilintar, api bawah tanah.	- Membakar, penghangusan atau peleburan.
2. Letupan;	
3. Bangunan dilanggar oleh: <ul style="list-style-type: none"> • Pesawat Udara atau peranti udara yang lain atau apa-apa yang gugur daripadanya; • Kenderaan jalan raya; • Haiwan; 	-Kerosakan yang disebabkan oleh: <ul style="list-style-type: none"> • Kenderaan atau haiwan kepunyaan Anda atau Keluarga Anda; • Haiwan peliharaan, burung atau haiwan kesayangan;
4. Pancutan atau limpahan dari mana-mana tangki kekal, peralatan atau paip air rumah tertakluk kepada Akses RM50 bagi setiap Kejadian .	Kerosakan: <ul style="list-style-type: none"> • Apabila rumah Anda tidak dihuni; atau • Kepada tangki air, kelengkapan atau paip; atau • Disebabkan kejadian beransur-ansur;
5. Kerosakan kepada struktur Bangunan disebabkan kecurian atau percubaan mencuri di mana kekerasan telah digunakan bagi memasuki atau keluar dari Bangunan .	- Kecurian atau cubaan mencuri <ul style="list-style-type: none"> • Oleh Anda atau ahli Keluarga Anda; • Semasa Rumah Anda Tidak Dihuni.
6. Angin ribut, angin puting beliung, taufan, ribut petir tertakluk kepada Akses sebanyak 1% daripada Amaun Perlindungan atau RM200 mana-mana yang terendah bagi setiap Kejadian	Kerosakan: <ul style="list-style-type: none"> • Kepada Bangunan semasa membina.
7. Gempa bumi, letupan gunung berapi tertakluk kepada Akses sebanyak 1% daripada Amaun Perlindungan atau RM200 mana-mana yang terendah bagi setiap Kejadian .	
8. Banjir tertakluk kepada Akses sebanyak 1% daripada Amaun Perlindungan atau RM200 mana-mana yang terendah bagi setiap Kejadian .	

Seksyen 2 - Kerugian Sewa

Apa yang dilindungi	Apa yang tidak dilindungi
<p>Sekiranya Bangunan mengalami kerosakan akibat oleh perkara-perkara tersebut di bawah Seksyen 1 Kami akan membayar kepada Anda sama ada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sewa yang sepatutnya Anda terima semasa Bangunan tidak boleh didiami; atau • Perbelanjaan munasabah yang telah dikeluarkan bagi mendapatkan kediaman alternatif untuk Anda dan Keluarga Anda boleh mendiami semula Bangunan. <p>Amaun maksimum yang boleh dibayar di bawah seksyen ini di samping amaun dibayar di bawah Seksyen 1 bagi mana-mana satu Tempoh Takaful adalah 10% dari Amaun Perlindungan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kami tidak akan membayar sekiranya kerugian sewa disebabkan kerosakan kepada Bangunan yang tidak termasuk di dalam perkara-perkara tersebut di bawah Seksyen 1.

Seksyen 3- Liabiliti kepada Pihak Ketiga

Apa yang dilindungi	Apa yang tidak dilindungi
<p>Kami akan membayar amaun yang di tanggungjawabkan kepada Anda membayar di sisi undang-undang kepada pihak ketiga sebagai pemilik Bangunan akibat kemalangan disebabkan kecacatan Bangunan (termasuk kos dan perbelanjaan penuntut) untuk</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Kematian atau kecederaan anggota badan sesiapa pun; b. Kerosakan kepada harta. <p>Kami juga akan membayar lain-lain kos dan perbelanjaan yang telah Kamiersetujui secara bertulis.</p> <p>Perlindungan untuk mendapat Wakil Perundangan Peribadi</p> <p>Sekiranya Anda meninggal dunia, perlindungan di bawah seksyen ini akan dipanjangkan kepada wakil peribadi Anda</p> <p>Amaun maksimum dibayar di bawah seksyen ini</p> <p>Amaun maksima yang dibayar di bawah seksyen ini bagi mana-mana satu tuntutan, atau rangkaian tuntutan berkaitan dengan satu kejadian, dalam mana-mana satu Tempoh Takaful adalah RM50,000.00.</p>	<p>Kami tidak akan membayar tuntutan-tuntutan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kecederaan kepada Anda atau ahli Keluarga Anda. • Kecederaan kepada sesiapa yang Anda gajikan mengikut kontrak kerja atau perantisan yang tercedera semasa menjalankan tugas. • Kerosakan kepada harta yang dipunyai oleh atau disewakan, disewajangi, dipinjamkan atau diamanahkan kepada Anda. • Kecederaan atau kerosakan akibat Pengotoran atau pencemaran oleh bahan-bahan (seperti radiasi) atau organisma atau mana-mana kombinasinya, seandainya pengotoran atau pencemaran itu: <ul style="list-style-type: none"> • Adalah akibat perbuatan yang disengajakan; • Boleh dijangkakan atau seharusnya boleh dijangkakan; • Berlaku sebelum bermulanya Tempoh Takaful; • Tidak dilaporkan dalam tempoh 30 hari selepas tamatnya Tempoh Takaful dalam mana ianya berlaku; atau • Ianya akibat sebarang tindakan jenayah atau tindakan yang disengajakan oleh Anda atau Keluarga Anda. • Mana-mana liabiliti yang ANDA tanggung di bawah kontrak, kecuali liabiliti Anda tetap bertanggung walaupun tanpa kontrak.

4. Syarat-syarat Sijil

1. Asas Kontrak

Anda telah mengisi borang **Cadangan** dan menandatangani akuan atau memberi maklumat tambahan dan bersetuju maklumat yang diberikan adalah benar.

Sebagai balasan kepada **Sumbangan** Takaful yang **Anda** telah bayar seperti yang tercatat dalam **Jadual** kepada **Dana Takaful** Am berdasarkan niat *tabarru'*, skim ini akan memberi perlindungan **Takaful** kepada **Anda** terhadap kerugian, kerosakkan atau liabiliti seperti dihuraikan di dalam Sijil ini yang berlaku dalam **Tempoh Takaful** tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat serta endosmen-endosmen Sijil ini.

Kontrak **Takaful** ini terdiri dari **Cadangan** dan akuan atau **kenyataan fakta**, Sijil dan **Jadual** ini. Takaful ini tidak sah dan **Anda** tidak boleh membuat tuntutan sekiranya:

- Mana-mana maklumat yang **Anda** berikan kepada **Kami** tidak benar dan tidak tepat; atau
- **Anda** tidak mematuhi mana-mana syarat Sijil ini.

2. Pertukaran

Anda mesti memberitahu **Kami** secara bertulis berkenaan apa-apa perubahan yang mungkin berkaitan dengan **Takaful** ini. Sekiranya **Anda** tidak memberitahu **Kami** berkenaan apa-apa perubahan kepada fakta matan, **Takaful** ini akan menjadi tidak sah.

(Fakta matan adalah fakta yang boleh mempengaruhi keputusan **Kami** untuk melindungi **Anda**, atau menetapkan syarat-syarat **Takaful**. Sekiranya **Anda** kurang pasti sama ada sesuatu maklumat itu merupakan fakta matan atau tidak, sila rujuk kepada **Kami**)

Khususnya, **Anda** mesti memberitahu **Kami**:

- Sekiranya **Bangunan** digunakan untuk perniagaan, membuat, meletakkan atau menyimpan barang dagangan;
- Jika **Anda** atau **Keluarga Anda** pernah disabit kesalahan atau didakwa (selain dari kesalahan lalu lintas);
- Apa-apa perubahan kepada **Bangunan** yang akan menaikkan kos pembinaan semula;
- Berkaitan dengan mana-mana orang, selain dari **Keluarga Anda**, yang akan mendiami **Bangunan** secara tetap; dan
- Sekiranya **Anda** meninggalkan **Bangunan** dengan **tidak dihuni** lebih dari 90 hari berturut-turut.

Harap ambil perhatian bahawa kegagalan pihak **Anda** untuk memberitahu **Kami** berkenaan dengan perubahan kepada fakta matan mungkin menjejaskan keputusan **Kami** bagi menunaikan sebarang tuntutan yang **Anda** kemukakan.

3. Kewajipan Anda

Anda hendaklah mengambil tindakan munasabah bagi:

- Menentukan **Bangunan** diselenggarakan dengan baik; dan
- Mengelak atau menghadkan sebarang kerugian, kerosakkan atau kecederaan.

4. Pembatalan

Kami boleh membatalkan Sijil ini pada bila-bila masa sekiranya **Kami** menghantar notis tujuh hari secara bertulis kepada alamat terakhir **Anda** yang **Kami** ketahui. Jika **Anda** tidak membuat tuntutan dalam **Tempoh Takaful**, **Anda** berhak mendapat kembali **Sumbangan Takaful Anda** bagi baki **Tempoh Takaful**. Jika **Anda** yang membatalkan Sijil ini, **Kami** akan kembalikan **Sumbangan Takaful** yang **Anda** telah bayar setelah ditolak satu jumlah bagi tempoh **Anda** dilindungi dengan syarat **Anda** tidak membuat apa-apa tuntutan dalam tempoh tersebut. Jumlah **Sumbangan Takaful** yang dikembalikan ini tertakluk kepada **sumbangan** minima

5. Takaful atau insurans lain

Jika **Anda** mempunyai **Takaful** atau insurans lain yang juga melindungi kerugian, kerosakkan atau liabiliti yang sama, **Kami** akan hanya membayar bahagian purata **Kami** dari mana-mana tuntutan berkenaan.

6. Tuntutan Palsu

Kami tidak akan membayar sebarang tuntutan yang mengandungi sebarang unsur pemalsuan atau berlebihan, atau **Anda** atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihak **Anda** mengguna cara-cara pemalsuan bagi mendapat manfaat di bawah **Takaful ini**.

7. Bagaimana membuat tuntutan?

Jika **Anda** ingin membuat tuntutan, **Anda** perlu segera melakukan perkara-perkara berikut:

- Hubungi jabatan tuntutan **Kami** di talian **1-800-88-9659** bagi melaporkan **Kejadian** dan mendapatkan Borang Pemberitahuan Kerugian.
- Menyimpan mana-mana barang yang rosak supaya dapat **Kami** memeriksanya.
- Laporkan kepada pihak polis dengan seberapa segera jika **Anda** mengesyaki kecurian atau kerosakkan berniat jahat.
- Lengkapkan Borang Pemberitahuan Kerugian dan kembalikannya bersama semua dokumen dan bukti yang **Kami** pinta dalam tempoh 30 hari selepas **Kejadian**.
- Hantarkan kepada **Kami** dengan segera, sebarang tuntutan bertulis yang dibuat terhadap **Anda**, dan juga berikan maklumat terperinci tentang sebarang tuntutan lisan yang dibuat terhadap **Anda**.
- Mengambil tindakan munasabah bagi melindungi **Bangunan Anda** daripada terus mengalami kerugian atau kerosakkan. Anda dilarang melakukan perkara-perkara berikut:
 - Mengaku atau menyangkal sebarang tanggungjawab ke atas mana-mana **Kejadian**.
 - Berunding atau menyelesaikan mana-mana tuntutan yang dibuat terhadap **Anda** oleh mana-mana pihak kecuali **Kami** member' kebenaran bertulis kepada **Anda**.

Kami akan memutuskan samada hendak berunding, membela atau menyelesaikan, atas nama **Anda** dan bagi pihak **Anda**, mana-mana tuntutan yang dibuat terhadap **Anda**.

8. Bagaimana Kami menyelesaikan tuntutan Anda?

Mana-mana tuntutan bagi kerugian atau kerosakkan yang disebabkan perkara-perkara yang dilindungi di bawah Seksyen 1 akan diselesaikan atas budi bicara **Kami** sama ada secara:

- Membayar kepada **Anda** perbelanjaan munasabah untuk membina semula atau membaikpulih **Bangunan**, sekiranya is telah dilakukan;
- Membayar **Anda** yang mana terendah di antara susutan nilai **Bangunan** dan anggaran perbelanjaan untuk membaikpulih **Bangunan** sekiranya **Bangunan** tidak dibina semula atau dibaikpulih.

Amaun maksimum yang **Kami** akan bayar tidak akan melebihi **Amaun Perlindungan** yang tercatat dalam **Jadual** dengan syarat **Anda** membayar **Akses** seperti disebut dalam Sijil

Jika semasa berlaku kerugian, **Amaun Perlindungan** yang tercatat dalam **Jadual** didapati lebih rendah daripada kos membina semula **Bangunan**, **Kami** akan membayar hanya sebahagian daripada tuntutan sejajar dengan peratusan kos pembinaan semula ke atas **Amaun Perlindungan**.

Umpamanya, sekiranya **Amaun Perlindungan** hanya merupakan 80% dari kos membina semula **Bangunan**, **Kami** akan membayar hanya 80% daripada tuntutan **Anda**.

Sila lihat Syarat 1 'Asas Kontrak'. Sekiranya **Anda** tidak berusaha untuk membuat anggaran **Amaun Perlindungan** yang munasabah, dan amaun yang tercatat dalam **Jadual** jauh lebih rendah daripada nilai sebenar, **Kami** boleh menganggap bahawa keterangan yang Anda beri kepada Kami tidak benar dan tidak tepat. Dalam keadaan demikian, **Takaful** ini tidak sah dan tuntutan **Anda** boleh ditolak.

9. Pengecualian Am - dipergunakan untuk seluruh Sijil

- a) **Takaful** ini tidak memberi perlindungan terhadap kerugian, kerosakkan, kecederaan, liabiliti di sisi undang-undang sama ada secara langsung atau tidak akibat daripada atau disebabkan oleh perkara-perkara berikut:
- i) **Bangunan** dirosakkan atau dirobohkan atas arahan Kerajaan atau Majlis Daerah atau Pihak Berkuasa Tempatan di mana **Bangunan** itu berada.
 - ii) Kemendapan Tanah.
 - iii) Tekanan gelombang daripada pesawat udara dan peranti udara lain yang bergerak dengan kepantasan bunyi atau lebih.
 - iv) Pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan bakar nuklear atau daripada sisa nuklear dari pembakaran bahan api nuklear.
 - v) Radioaktif, keracunan, letupan atau lain-lain sifat merbahaya sebarang peralatan nuklear atau bahagian nuklear peralatan tersebut.
 - vi) Peperangan, penyerangan, perang saudara, pemberontakkan atau kejadian yang serupa (yang diisytihar atau tidak).
- b. Melainkan kerugian sewa yang diperlindungi di bawah Seksyen 3, **Takaful** ini tidak memberi perlindungan terhadap apa-apa jenis kerugian sampingan yang boleh timbul (iaitu apa-apa kerugian sampinganyang timbul, sama ada secara langsung atau tidak langsung, daripada kerugian yang diperlindungi di bawah **Takaful** ini).
- c. **Takaful** ini tidak memberi perlindungan kepada kerugian atau kerosakkan yang berlaku secara beransur-ansur dalam jangka masa yang panjang.

10. Resolusi Perselisihan

Anda dan Kami bersetuju bahawa:

- a. Apa-apa perselisihan berkaitan dengan Sijil ini yang melibatkan amaun tidak melebihi RM100,000 akan dirujuk kepada Biro Penimbangtara Kewangan atau "Financial Mediation Bureau" (FMB) untuk diselesaikan.
- b. Sekiranya **Anda** tidak berpuas hati dengan keputusan FMB atau jika **Anda** dan **Kami** tidak bersetuju dalam perkara berkaitan dengan Sijil ini yang melibatkan amaun melebihi RM100,000, seorang Penimbangtara akan dilantik oleh **Anda** dan **Kami** secara bertulis bagi menyelesaikan perselisihan ini.

Jika **Anda** dan **Kami** tidak dapat bersetuju dengan perlantikan penimbangtara tunggal dalam masa sebulan, maka **Anda** dan **Kami** boleh melantik seorang penimbangtara bagi pihak masing-masing. Kedua-dua Penimbangtara tersebut akan mendengar perselisihan berkenaan bersama-sama dengan seorang Pengadil yang akan dilantik oleh mereka.

11. Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan

Jika **Kami** mendapati atau mempunyai syak yang berasas bahawa Sijil ini dieksploitasi untuk aktiviti pengubahan wang haram, untuk membiayai keganasan atau arahan / permintaan **Anda** mungkin membawa kepada pelanggaran sebarang sekatan / undang - undang, **Kami** berhak untuk menolak arahan / permintaan **Anda** atau menamatkan Sijil ini serta - merta. Kami seterusnya boleh menguruskan kesemua sumbangan yang telah dibayar dan kesemua faedah / jumlah perlu dibayar berkenaan Sijil ini dengan apa cara, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

12. Kebenaran untuk Mendedahkan Maklumat Peribadi

- a. **Anda** memberi kebenaran yang tidak boleh ditarik balik dan mengesahkan bahawa **Kami** boleh menggunakan, mendedahkan, memindahkan atau menukarkan kesemua maklumat peribadi yang diberikan kepada **Kami** berkaitan skim **Takaful** ini:
- kepada mana - mana syarikat atau agen Kumpulan HSBC;
 - kepada mana - mana pihak ketiga untuk memudahkan pengendalian perniagaan **Kami** atau operasi prosedur dalaman **Kami**;
 - kepada Bank Negara Malaysia atau mana mana pihak berkuasa yang berkenaan;
 - kepada mana - mana pihak ketiga dalam industri insurans atau **Takaful** untuk penyelenggaraan pengkalan pengkalan data, analisis statistik, anti-penipuan, pengesahan tuntutan atau hal - ehwal operasi;
 - untuk mencegah atau memudahkan siasatan aktiviti - aktiviti jenayah untuk pengesanan penipuan; dan
 - untuk mematuhi undang - undang atau peraturan - peraturan yang digunapakai.
- b. **Anda** hendaklah memaklumkan kepada **Kami** akan sebarang perubahan terhadap maklumat peribadi **Anda** secepat mungkin. **Kami** tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian secara langsung atau tidak langsung berikutan sebarang maklumat peribadi yang diberikan yang tidak tepat atau tidak lengkap.

13. Pengembalian Jumlah Dilindungi

Sebagai balasan jaminan **Anda** untuk membayar **Sumbangan** tambahan pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual atas jumlah kerugian yang dikira pada asas pro-rata bermula dari tarikh kerugian tersebut hingga tarikh luput **Tempoh Takaful** semasa, is adalah thpersetujui bahawa apabila berlaku kerugian, Takaful ini perlu dikekalkan untuk keseluruhan **Jumlah Perlindungan** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual**.

5. Waranti / Fasal / Endosmen

Waranti Sumbangan

lanya menjadi asas dan syarat khas mutlak kepada Sijil ini, bahawa sumbangan mesti dibayar dan diterima oleh **Kami** dalam jangka masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Sijil ini/ Pengendorsan/ Pembaharuan Sijil.

Jika syarat ini tidak dituruti, kontrak ini akan dibatalkan serta merta dan **Kami** berhak ke atas sumbangan secara pro-rata untuk tempoh mereka menanggung risiko.

Di mana sumbangan berbayar menurut jaminan ini diterima oleh agen yang diluluskan doh **Kami**, bayaran tersebut dianggap telah diterima oleh **Kami** untuk tujuan jaminan ini dan kewajipan untuk membuktikan sumbangan berbayar telah diterima oleh individu termasuk agen **Kami** yang tidak dibenarkan menerima sumbangan tersebut menjadi beban **Kami**. Sekiranya sebaliknya, tertakiuk kepada terma-terma dan syarat-syarat Sijil ini.

Fasal - Fasal - Berkenaan hanya jika terdapat di dalam Jadual

Fasal Pengecualian Asbestos

Sijil ini mengecualikan semua jenis tuntutan yang terjadi akibat, berpunca daripada, secara langsung atau tidak langsung berlaku daripada atau melibatkan :-

- asbestos, atau
- sebarang penyakit atau kecederaan atau kerosakan yang disebabkan atau yang dipercayai disebabkan oleh penggunaan, kesan penggunaan, pembuangan pemindahan asbestos dan/atau mengelakkan daripada dedahan atau potensi dedahan kepada asbestos.

Fasal Penjelasan Kemusnahan Harta Benda

Kemusnahan harta benda yang dilindungi di bawah Sill adalah bermaksud kerosakan terhadap rupa bentuk harta benda. Kemusnahan fizikal terhadap rupa bentuk harta benda adalah tidak merangkumi data atau perisian, secara khususnya sebarang bahaya perubahan terhadap data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh tindakan memadam, kecurangan atau pun kecacatan terhadap struktur asalnya. Berikutnya adalah kesannya yang dikecualikan dari Sijil ini: -

1. Kerugian atau pun kemusnahan terhadap data atau perisian, tetapi tidak terhad kepada sebarang bahaya perubahan terhadap data, perisian atau program komputer yang diakibatkan oleh tindakan memadam, kecurangan atau kecacatan ke atas struktur asalnya, dan sebarang kerugian dari gangguan perniagaan yang berpunca dari kerugian atau kemusnahan tersebut. Walau bagaimanapun pengecualian ini yang menyebabkan kerugian atau kerosakan ke atas data atau perisian yang mana diakibatkan secara langsung oleh kemusnahan fizikal terhadap rupa bentuk harta benda.
2. Kerugian atau kemusnahan yang disebabkan oleh kelemahan fungsi, kemampuan, tahap kegunaan atau kebolehan data, perisian atau program komputer, dan sebarang kerugian-kerugian gangguan perniagaan yang disebabkan oleh kerugian atau kerosakan tersebut.

Fasal Tarikh Pengiktirafan

Ianya telah dimaklumi dan dipersetujui bahawa Sijil ini telah dipinda seperti berikut:-

- A. **Kami** tidak akan membayar sebarang kerugian atau kerosakan termasuklah kerugian dengan atau tanpa penggunaan kerosakan fizikal atau pun sebarang kerugian yang diakibatkan secara langsung oleh, yang mengandungi, atau yang timbul daripada kegagalan atau ketidakmampuan sebarang komputer, alat pemprosesan data, media mikro cip, operasi sistem, pemproses mikro (cip komputer), integrasi landasan atau alatan seumpamanya, atau sebarang perisian komputer, sama ada ianya adalah harta benda **Anda** atau pun tidak, dan juga sama ada ianya terjadi sebelum, semasa atau selepas tahun 2000 yang disebabkan oleh kegagalan atau ketidakmampuan peralatan tersebut dan/atau perisian yang telah disenaraikan di atas yang:
 1. pembetulan diiktiraf atas mana-mana tarikh sebagai tarikh kalendar sebenar;
 2. mengambil, menyimpan atau mengekalkan, dan/atau secara betul memanipulasikan, menterjemahkan atau pun memproses sebarang data atau informasi atau perintah atau arahan yang disebabkan oleh mengubah tarikh selain dari yang terdapat pada tarikh kalendar sebenar dan/atau;
 3. Mengambil, menyimpan, atau mengekalkan atau secara betul memproses sebarang data yang disebabkan oleh operasi dari sebarang arahan yang mana telah pun diprogramkan ke dalam perisian komputer, yang menjadi arahan yang mana telah menyebabkan kehilangan kepada data atau ketidakmampuan untuk mengambil, menyimpan, mengekalkan atau secara betul memproses data tersebut pada atau selepas sebarang tarikh.
- B. Seterusnya ia adalah difahami bahawa **Kami** tidak akan membayar untuk membaiki atau mengubah suai mana-mana bahagian dan sistem pemprosesan data elektronik atau sebarang alatan dan/atau perisian yang telah disenaraikan di A di atas.
- C. Seterusnya ia adalah difahami bahawa **Kami** tidak akan membayar sebarang kerugian atau kerosakan termasuklah kerugian akibat penggunaan yang disertakan atau pun tanpa kemusnahan fizikal ke atas kerugian berikutnya secara langsung atau tidak langsung yang timbul dari sebarang alatan, perundingan, lakaran, penilaian, pemeriksaan, penyimpanan, penyelenggaraan, pembaikan atau penyeliaan yang telah dilakukan oleh **Anda** atau untuk **Anda** atau oleh pihak lain untuk menentukan mengesahkan atau menguji sebarang kemungkinan atau kegagalan sebenar, gagal fungsi atau kekurangan yang telah dijelaskan di A di atas.

D. la seterusnya difahami bahawa **Kami** tidak akan membayar sebarang kerugian yang diakibatkan oleh mana-mana ketidakmampuan yang berterusan oleh komputer dan peralatan yang telah dinyatakan di A di atas untuk mengiktiraf kebenaran sebarang tarikh seperti tarikh kalendar sebenar selepas kehilangan atau kerosakan terhadap harta benda yang telah pun diganti atau dibaiki.

Kerugian atau pun kemusnahan tersebut atau sebarang kerugian akibat daripada yang telah dirujuk seperti A B, C atau D di atas adalah dikecualikan tidak kira oleh sebarang penyebab yang menyumbang kepada berlakunya atau dalam sebarang kesan yang serupa.

Sekiranya sebaliknya, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Sijil ini.

Fasal Pengecualian :- Pengendorsan ini tidak termasuk apa-apa kehilangan atau kerosakan atau kerugian turutan tersendiri adalah akibat daripada peril yang dilindungi seperti yang didefinisikan di dalam Sijil ini.

Fasal Pengecualian Radioaktif/Risiko Tenaga Nuklear

Sijil ini tidak merangkumi sebarang liabiliti, kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan lazim dan seumpamanya secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh, akibat dari atau yang berkaitan dengan mana-mana sebagaimana yang telah dinyatakan ini tidak kira ianya disebabkan oleh lain-lain punca atau pun kejadian yang menyumbang kepada berlakunya atau pada sebarang kesan yang mengakibatkan kerugian:

1. pengionan radiasi dari atau pun pencemaran radioaktif dari apa jua bahan nuklear atau apa jua bentuk bahan buangan nuklear atau dari pembakaran bahan nuklear;
2. radioaktif, toksid, letupan atau bahan merbahaya lain atau pencemaran dari pemasangan harta benda nuklear, reactor atau lain-lain pemasangan nuklear atau komponen nuclear
3. apa jua senjata peperangan yang menggunakan atom atau atau seumpamanya. pemecahan nuklear atau reaksi serupa atau kuasa radioaktif

Fasal Pemegang Gadaijanji (Pemegang Gadaian)

Kerugian sekiranya ada yang perlu dibayar kepada Pemegang Gadaijanji (Pemegang Gadaian) seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual** kerana kepentingan mungkin timbul pada Sijil ini tetapi kepentingan Pemegang Gadaijanji (Pemegang Gadaian) tidak akan dibatalkan oleh sebarang tindakan atau kekecualian Penggadai janji (Penggadai) atau Pemilik harta benda yang dinyatakan. Kepentingan tersebut juga tidak terjejas oleh sebarang sekat tebusan, prosiding atau notis jualan harta benda yang berkaitan dengan harta benda tersebut atau premis yang digunakan untuk pekerjaan yang lebih berbahaya daripada yang dibenarkan oleh Sijil ini atau harta benda tidak digunakan ataupun peningkatan risiko pada inarta benda yang dilindungi. Dengan syarat sekiranya Pemegang Gadaijanji (Pemegang Gadaian) atau Pemilik gagal membayar sebarang sumbangan yang perlu dibayar di bawah Sijil ini, maka Pemegang Gadaijanji (Pemegang Gadaian) dikehendaki berbuat demikian apabila dituntut. Juga dengan syarat Pemegang Gadaijanji (Pemegang Gadaian) hendaklah memberitahu **Kami** sekiranya premis tidak dihuni atau ditukar hak milik, didiami semula atau meningkatnya risiko yang sepatutnya diketahui oleh Pemegang Gadaijanji (Pemegang Gadaian). Pemegang Gadaijanji (Pemegang Gadaian) tersebut (kecuali dibenarkan oleh Sijil ini) hendaklah membayar tambahan sumbangan kerana peningkatan risiko tersebut. Sekiranya atas permintaan ia gagal berbuat demikian Sijil ini akan terbatal.

Adalah dipersetujui bahawa apabila **Kami** dikehendaki mengendalikan bayaran kepada Pemegang Gadaijanji (Pemegang Gadaian) sebarang jumlah bagi kerugian atau kerosakan di bawah Sijil ini akan mendakwa bahawa oleh kerana tiada liabiliti kepada Penggadai janji (Penggadai) atau Pemilik, Kami akan disubrogasi disisi undang-undang ke atas semua hak Pemegang Gadaijanji (Pemegang Gadaian) setakat had bayaran tersebut, tetapi tidak akan menjejaskan hak Pemegang Gadaijanji (Pemegang Gadaian) untuk mendapatkan kembali jumlah sepenuhnya bagi sebarang tuntutan yang mungkin ada pada Penggadai janji (Penggadai) tersebut, Pemilik, lain-lain pihak yang dilindungi atau sebarang sekuriti atau dana sedia ada.

Fasal Tidak Boleh Batal

Adalah juga dipersetujui bahawa **Anda** tidak boleh membuat pembatalan Sijil ini kecuali memberi empat belas (14) hari notis bertulis kepada Pemegang Gadaijanji (Pemegang Gadaian) terlebih dahulu dan menghantarnya ke alamat terakhir Pemegang Gadaijanji (Pemegang Gadaian) tersebut.

Fasal Pengalihan Debris (tanpa jumlah perlindungan berasingan)

Takaful untuk Butiran No. yang dinyatakan dalam Jadual dengan ini dilindungi termasuk kos dan perbelanjaan sepatutnya tertanggung oleh **Anda** dengan kebenaran **Kami** ke atas

- a) pengalihan debris
- b) menanggal dan/atau meroboh
- c) menyokong atau mengampu

pada bahagian harta yang dilindungi oleh Sijil ini musnah atau rosak disebabkan oleh kebakaran atau peril lain yang dilindungi. (Butiran (b) dan (c) di atas adalah dianggap terpotong apabila Bangunan atau mesin dilindungi).

Amaun yang perlu dibayar untuk kos dan perbelanjaan tidak boleh melebihi 10% daripada **jumlah perlindungan** untuk setiap butiran atau secara agregat Ringgit Malaysia dua juta (RM2,000,000) bagi mana-mana satu kerugian, mengikut yang mana lebih rendah.

Kami tidak akan membayar apa-apa kos perbelanjaan yang:

- i) tertanggung dalam pengalihan debris kecuali daripada tapak harta itu musnah atau rosak dan kawasan bersebelahan dengan tapak tersebut;
- ii) Timbul daripada pencemaran atau kontaminasi harta yang tidak dilindungi oleh Sijil ini.

Dengan syarat liabiliti maksimum Kami tidak melebihi jumlah tercatat dalam Jadual bagi setiap butiran yang dilindungi.

Fi Akitek, Penyelaras, Jurutera Perunding (tanpa jumlah perlindungan berasingan)

Takaful bagi butiran ini yang merujuk kepada fi Akitek, Penyelaras dan Jurutera Perunding untuk anggaran pelan, spesifikasi, kuantiti, tender dan penyeliaan yang sepatutnya dikenakan di dalam pengembalian semula harta yang dilindungi yang disebabkan oleh kemusnahan atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran atau peril lain yang dilindungi tetapi bukan fi persediaan untuk membuat tuntutan di bawah ini. Amaun berbayar untuk fi sedemikian hendaklah tidak melebihi jumlah yang dibenarkan di bawah skala Persatuan bidang berkenaan yang lazim ketika berlakunya kemusnahan atau kerosakan, tertakluk kepada had jumlah **perlindungan** liabiliti ini.

Fasal Nilai Pengembalian Semula

Sekiranya harta yang dilindungi di bawah Sijil ini didapati musnah atau rosak, asas pengiraan amaun yang dibayar di bawah Sijil ini adalah dikira berdasarkan kos untuk mengganti atau membaik pulih harta yang sama bentuk atau jenis di tapak yang sama tetapi tidak lebih baik atau lebih luas daripada harta yang dilindungi ketika ia masih baru, tertakluk pada Peruntukan - Peruntukan Khas berikut dan pada terma - terma dan syarat - syarat Sijil kecuali jika yang sama diubah.

Peruntukan Peruntukan Khas

1. Kerja menggantikan atau membaik pulih (yang boleh dilakukan di atas tapak lain dan dengan apa - apa cara yang bersesuaian dengan kehendak - kehendak **Anda**, tertakluk pada liabiliti **Kami** yang tidak bertambah) mesti dimulakan dan dilaksanakan dengan segera dan dalam apa - apa hal sekalipun mesti diselesaikan dalam tempoh 12 bulan selepas kemusnahan atau kerosakan tersebut berlaku atau dalam tempoh tambahan yang boleh Kami benarkan (dalam tempoh 12 bulan tersebut) secara bertulis sebaliknya tiada bayaran boleh dibuat melebihi amaun yang sepatutnya di bayar di bawah Sijil ini jika memorandum ini belum dimasukkan ke dalamnya.
2. Sehingga perbelanjaan telah ditanggung oleh **Anda** dalam mengganti atau membaik pulih harta yang musnah atau rosak, Kami tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa bayaran yang melebihi amaun yang sepatutnya dibayar di bawah Sijil ini jika memorandum ini tidak dimasukkan ke dalamnya.

3. Jika pada masa penggantian atau membaik pulih jumlah yang mewakili kos yang mungkin ditanggung untuk menggantikan atau membaik pulih jika keseluruhan harta yang dilindungi telah musnah melebihi jumlah yang dilindungi tersebut ketika berlakunya kebakaran atau pada permulaan apa - apa kemusnahan atau kerosakan yang berlaku pada harta tersebut oleh sebab apa - apa bahaya yang dilindungi di bawah Sijil ini, maka **Anda** hendaklah menanggung lebih tersebut dan kadar setimpal bagi kerugian tersebut dengan sepatutnya. Setiap butiran di dalam Sijil ini jika lebih daripada satu) yang menggunakan memorandum ini tertakluk secara berasingan pada peruntukan yang disebut di atas.
4. Memorandum ini tidak akan berkuat kuasa atau berkesan jika:-
 - a) **Anda** gagal untuk memberitahu **Kami** dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kemusnahan atau kerosakan, atau tempoh tambahan berkenaan seperti yang boleh **Kami** benarkan secara bertulis, tujuan **Anda** untuk menggantikan atau membaik pulih harta yang dilindungi musnah atau rosak; dan
 - b) **Anda** tidak berupaya atau tidak mahu mengganti atau membaik pulih harta yang dilindungi yang musnah atau rosak di tapak yang sama atau tapak yang lain.
5. Tiada bayaran boleh dibuat melebihi amaun yang sepatutnya dibayar di bawah Sijil ini jika memorandum ini tidak dimasukkan ke dalamnya dan sewaktu berlakunya mana-mana kemusnahan atau kerosakan terhadap mana-mana harta yang dilindungi di sini, harta tersebut dilindungi oleh mana-mana insurans atau Takaful lain yang dikuatkuasakan oleh atau bagi pihak **Anda** yang tidak berdasarkan asas membaik pulih yang sama seperti yang ditetapkan di sini.

Nota: Sekiranya terdapat perbezaan di antara Sijil-Sijil Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris maka Sijil Bahasa Inggeris adalah dijadikan rujukan mutlak.

Endosmen - Berkenaan hanya jika terdapat di dalam jadual

Rusuhan, Mogok dan Kerosakan Niat Jahat

Sebagai balasan bagi sumbangan tambahan oleh **Anda** kepada **Kami**, adalah dipersetujui dan diisytiharkan bahawa walau apapun yang dinyatakan bertentangan dengan mana-mana yang tertulis di bawah Silit ini hendaklah diperluaskan bagi melindungi Kerosakan Rusuhan dan Mogok yang bagi tujuan pengendorsan ini hendaklah bermaksud (tertaksiuk kepada Syarat Khas yang terkandung selepas ini) :-

Kerugian atau kerosakan ke atas harta yang dilindungi yang disebabkan secara langsung oleh:-

1. Perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama yang lain dalam mana-mana kekacauan ketenteraman awam (sama ada berkaitan atau tidak dengan mogok atau sekat-masuk) yang bukan kejadian seperti yang dinyatakan di dalam Syarat 6 di bawah Syarat Khas yang tersebut di sini.
2. Perbuatan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam menghalang atau cuba menghalang mana-mana kekacauan sedemikian atau dalam mengurangkan akibat daripada kekacauan tersebut.
3. Perbuatan sengaja oleh mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat-masuk dalam meneruskan pemogokan atau menentang penyekatan masuk.
4. Perbuatan mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam menghalang atau cuba untuk menghalang apa-apa tindakan sedemikian atau mengurangkan akibat daripada tindakan tersebut.

Selanjutnya diisytiharkan bahawa walau apapun yang dinyatakan bertentangan dengan apa-apa terkandung di dalam Sijil secara bertulis, **Takaful** di bawah Sijil ini hendaklah diperluaskan bagi melindungi Kerosakan Niat Jahat yang bagi tujuan perluasan perlindungan Takaful ini adalah bermaksud:-

Kerugian atau kerosakan ke atas harta yang dilindungi yang diakibatkan secara langsung oleh perbuatan Niat Jahat mana-mana orang (sama ada perbuatan tersebut dilakukan semasa berlakunya kekacauan terhadap ketenteraman awam ataupun tidak) sama ada perbuatan sedemikian tidak bermaksud atau mempunyai kaitan dengan kekacauan yang disebutkan di dalam Pengecualian Am 1 pengendorsan tetapi **Kami** tidak akan bertanggungjawab di bawah perluasan **Takaful** ini bagi kerugian atau kerosakan atau kebakaran atau letupan mahupun kerugian atau kerosakan yang berpunca daripada pecah rumah, pecah rumah, kecurian, larseni atau ancaman daripada mana-mana orang yang mengambil bahagian.

Dengan syarat bahawa semua syarat Sijil (melainkan sejauh mana ianya mungkin dinyatakan berbeza) hendaklah diguna pakai sebagaimana ianya telah dimasukkan di sini.

Syarat Khas

Bagi tujuan pengendorsan ini dan bukan sebaliknya, nombor masing-masing bagi Pengecualian Am dan syarat dalam Sijil ini hendaklah digantikan seperti berikut :-

Pengecualian Am 1

Takaful ini tidak melindungi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau yang merupakan akibat secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana satu kejadian berikut iaitu:-

- (a) Peperangan, perang saudara, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan itu diisytiharkan atau tidak);
- (b) Dahagi, kekacauan awam yang menghampiri atau mencecah tahap kebangkitan awam, kebangkitan tentera, insureksi, pemberontakan, revolusi atau ketenteraan atau rampasan kuasa;
- (c) Sebarang tindakan keganasan

Untuk tujuan ini tindakan ganas bermaksud tindakan termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.

Dalam mana-mana tindakan guaman atau prosiding lain, apabila **Kami** mendakwa bahawa oleh sebab peruntukan dalam syarat ini, apa-apa kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh **Takaful** ini, beban membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi hendaklah terletak pada **Kami**.

Pengecualian Am 2

Takaful ini tidak melindungi:-

- (a) kerugian pendapatan, kerugian akibat kelewatan, kerugian pasaran atau lain-lain kerugian atau kerosakan secara tuntutan atau dalam apa jua jenis/perihal sekalipun;
- (b) Kerugian atau kerosakan berpunca daripada pemberhentian kerja secara keseluruhan atau sebahagian atau memperlambatkan atau gangguan atau pemberhentian mana-mana proses atau operasi;
- (c) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kehilangan sementara atau kekal yang berpunca daripada penyitaan, perampasan atau pengambilan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah;
- (d) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kehilangan sementara atau kekal mana-mana bangunan yang berpunca daripada pendudukan secara tidak sah oleh mana-mana orang ke atas bangunan tersebut.

Dengan syarat liabiliti **Kami** terhadap **Anda** tidak dilepaskan di bawah perkara (c) atau (d) di atas terhadap kerosakan fizikal ke atas harta yang dilindungi yang berlaku sebelum atau semasa kehilangan sementara.

Syarat 6

Jika harta yang dilindungi pada ketika berlakunya kebakaran atau semasa bermulanya apa-apa kemusnahan atau kerosakan ke atas harta tersebut oleh mana-mana peril lain yang dilindungi di bawah pengendorsan ini secara keseluruhan mempunyai nilai yang lebih besar daripada **jumlah perlindungan** ke atasnya, maka **Anda** hendaklah bertanggungjawab bagi perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung bahagian setimpal bagi jumlah kerugian yang sewajarnya. Setiap butiran, jika lebih daripada satu ke atas Sijil ini hendaklah tertakluk secara berasingan kepada syarat ini.

Syarat 12

Takaful ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa oleh **Kami** dengan menyerahkan notis kepada **Anda**, di mana **Kami** akan bertanggungjawab untuk mengembalikan sumbangan secara perkadaran yang setimpal bagi tempoh yang masih belum tamat dari tarikh pembatalan. Sekiranya **Takaful** ini ditamatkan atas permintaan **Anda**, **Kami** tidak akan dipertanggungjawabkan untuk mengembalikan sumbangan atau mana-mana bahagiannya.

Dengan syarat bahawa ianya dengan jelas dipersetujui dan diisytiharkan bahawa :-

1. Kesemua syarat Syil ini hendaklah diguna pakai daripada segala segi ke atas Takaful yang diberikan di bawah perluasan ini kecuali yang dinyatakan jelas berbeza oleh Syarat Khas yang tersebut di atas dan mana-mana rujukan mengenai kebakaran dalam syarat Sijil ini hendaklah dianggap sebagai meliputi peril yang dilindungi di sini.
2. Syarat Khas di sini hendaklah diguna pakai hanya kepada **Takaful** yang diberikan di bawah perluasan ini dan syarat Sijil hendaklah diguna pakai dari segala segi terhadap **Takaful** yang diberikan oleh Sijil ini seolah-olah pengendorsan ini tidak dibuat keatasnya.

Penanggalan dan Gelinciran Tanah

Sebagai balasan bagi sumbangan tambahan oleh **Anda** kepada **Kami**, adalah dipersetujui dan diisytiharkan bahawa Sijil ini hendaklah diperluaskan bagi melindungi kerugian atau kerosakan keatas harta yang dilindungi disebabkan oleh penanggalan dan/atau pelonjakan tapak tanah bangunan didirikan atau tanah kepunyaannya atau gelinciran tanah tidak termasuk:

- a) kerugian atau kerosakan ke atas kolam renang, teres, patio, laluan kenderaan, laluan pejalan kaki, dinding, pintu atau pagar kecuali bangunan, bahagian lain yang terpisah daripadanya atau garaj dirosakkan oleh sebab yang sama dalam waktu yang sama.
- b) kerugian atau kerosakan ke atas atau berpunca dari pergerakan bidur lantai yang kukuh kecuali asas binaan di bawah dinding luaran Bangunan dirosakkan oleh sebab yang sama dalam waktu yang sama.
- c) kerugian atau kerosakan yang disebabkan berlakunya atau diakibatkan oleh:
 - hakisan pantai atau sungai
 - perobohan, pengubahsuaian struktur atau pembaikan struktur
 - kecacatan pada reka bentuk atau pembinaan asas yang tidak memadai.
- d) Bagi setiap kerugian, 5% daripada jumlah keseluruhan yang dilindungi atau RM25,000 mengikut mana-mana yang lebih rendah, seperti drtentukan setelah dikenakan mana-mana syarat purata.

Dengan syarat liabiliti keseluruhan **Kami** tidak melebihi **jumlah perlindungan** bagi setiap butiran ke atas harta ditolak jumlah yang dikecualikan di bawah (d) di atas.

Dengan syarat bahawa semua syarat Sijil (melainkan setakat mana ianya secara jelas berbeza) hendaklah diguna pakai seperti ianya terkandung di dalam ini dan bagi tujuan itu apa-apa kerugian atau kerosakan yang telah dinyatakan hendaklah dianggap kerugian atau kerosakan oleh kebakaran. Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.